

Sebagai contoh, mereka asingkan sisa binaan seperti kayu dan bekas simen, yang mana ada sesetengah daripadanya boleh digunakan untuk dikitar semula dan tidak perlu dibuang di tapak pembinaan.

“Kita yakin dengan pelaksanaan peraturan ini, akan mengurangkan jumlah sisa binaan yang dibuang ke tapak pelupusan.

“Mengikut data Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) jumlah sisa binaan bagi tahun ini iaitu setakat Oktober lalu adalah 5.7 juta tan, bayangkan jika ia tidak diuruskan secara efektif dan efisien sudah tentu akan memberi kesan buruk,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang selepas menyempurnakan Majlis Pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik 2019 dan Promosi Penguatkuasaan Peraturan Sisa Binaan, Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik adalah program tahunan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang diberikan kepada syarikat konsesi yang berjaya melaksanakan perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam secara efisien, pemantauan penguatkuasaan dan pembudayaan kitar semula yang efektif.

“Pelaksanaan penilaian pengiktirafan dijadikan sebagai satu penanda aras bagi skop perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam di sesebuah kawasan perkhidmatan.

“Pelaksanaan program ini dapat meningkatkan sikap daya saing dalam melaksanakan gerak kerja antara syarikat konsesi dan SWCorp bagi mencapai kriteria yang ditetapkan dalam aspek penilaian.

“Sebanyak sembilan daripada 114 skim perkhidmatan telah disenarai pendek dan hanya tiga skim perkhidmatan terbaik saja yang disenarai pendek,” katanya.

Pada majlis itu, skim KDAS01 (Alor Setar, Kedah) dinobatkan sebagai johan apabila diiktiraf sebagai skim terbaik bagi 2019, diikuti skim PHRM01 (Rompin, Pahang) naib johan dan tempat ketiga adalah JHMR01 (Muar, Johor).